

mewujudkan kemaslahatan manusia, maka dengan sendirinya syariat Islam menolak segala yang mendatangkan mudharat bagi manusia. Inilah sebabnya syariat Islam mengharamkan “*khabā'ith*” (segala yang buruk) dan menegah “*jarā'im*” (segala perbuatan jahat). Dan memerintahkan kita menjauhkan diri dari segala yang diharamkan.

Sesuatu yang mendatangkan mudharat apabila pada sesuatu ketika mendatangkan manfaat dan bahawa manfaatnya itu lebih kuat dari mudharatnya, berubahlah hukum, lalu menjadi boleh, pada hal tadinya diharamkan. Atas dasar inilah syariat Islam menghalalkan berbagai-bagai rupa yang haram bila dikehendaki oleh dharurat. Atas dasar ini pula terletaknya kaedah: “*al-darūrāt tabīḥ al-Mazūrāt*” (darurat-darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang). Atas dasar ini juga dibolehkan arak untuk ubat dalam masa dharurat, sebagaimana dibolehkan memakan bangkai ketika terpaksa. Maka berdasar kepada kaedah ini, andainya mengeluarkan darah yang baik dari badan yang baik untuk dimasukkan ke dalam badan seseorang yang sakit, haram pada asal hukum, menjadi boleh dan jaiz dalam masa masalahah menghendaki.

Demikianlah hasil penetapan jika kita menuruti faham golongan yang kedua. Adapun jika kita menuruti aliran faham yang ketiga maka masalah ini lebih terang lagi keadaannya. Iaitu boleh, asal sahaja tidak mendatangkan mudharat, baik bagi yang diambil darahnya, mahupun bagi yang menerima darah.

Rabbanā atinā fi al-Dunyā ḥasanah wa fi al-Akhirah ḥasanah wa qinā 'adhāb al-Nār.

(dipetik dari majalah “Media” suara mahasiswa Islam, Jogjakarta-P.Q.)

MENGENANG ILAHI

Tuhanku,
sudah suku abad ku tumpang berteduh,
dibawah tanganmu terhampar jauh.

Siap berlangir cahaya suci,
serta nikmat penuh tersaji;
di hamparan bumi masih terbentang,
juga matahari bulan dan bintang.

Di mana langkah zahir dan batin,
dikawal diiring *Kirāman Kātibīn*.

Tidak ternilai budimu melimpah,
pada tanganku menadah patah.

Semuanya itu percuma semata,
kau hanya berharap usah lupa.
Dalam suasana durjana mengimbang,
cahayamu suci menjadi lambang.

Syukur, syukur.....!
jauhlah aku dari tercebur;
diperlembangan yang hina,
bersalut intan di dunia yang fanā.

Samar Senja - Singapura